

# Tiada sekatan pelajar universiti balik mengundi

*Utusan Malaysia (Dalam Negeri) 27/7/23*

**BACHOK:** Kementerian Pendidikan Tinggi tidak mengenakan sekatan kepada pelajar universiti yang sedang menjalani peperiksaan akhir ketika ini untuk pulang mengundi bagi pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos.

Menterinya Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, hal ini kerana pada hari tersebut tiada sebarang peperiksaan dijalankan oleh pihak universiti.

Menurutnya, setakat ini hanya Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang masih menjalankan peperiksaan.

“Untuk makluman, tarikh peperiksaan sudah lama ditetapkan dan kebetulan jatuh pada hari PRN,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Perasmian

Inkubator Keusahawanan, Pusat Penyelidikan dan Hospital Pengajar Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di sini.

Hadir sama Naib Chanselor UMK Profesor Datuk Dr. Razli Che Razak.

Sebelum ini media melaporkan Universiti Utara Malaysia (UUM) dan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** antara universiti yang terkesan dengan penetapan tarikh pengundian pada 12 Ogos oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi enam PRN.

UUM memulakan peperiksaan bermula hujung bulan ini sehingga pertengahan Ogos ini manakala UMP mengadakan pengambilan baharu bagi pengajian peringkat diploma universiti itu ketika PRN berlangsung.